



siaran akhbar

terbitkan oleh jabatan penerangan malaysia PEN. 3/75/175(TPM)

ucapan: 2/04/0
345/
113/79

DATUK HUSSEIN ONN RASMI MESYUARAT
MAJLIS TAHUNAN PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA

Ucapan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, juga Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia di Mesyuarat Majlis Tahunan Persatuan Yang Ke -21 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada hari Khamis 27hb, Mac, 1975 pada pukul 9.30 pagi.

Saya merasa amat gembira kerana sekali lagi dapat bersama-sama hadir dalam Mesyuarat Majlis Tahunan yang ke Dua Puluh satu Persatuan Sejarah Malaysia pada pagi ini. Saya sukalah mengucapkan terimakasih kepada Ten Sri Haji Hamdan dan ahli-ahli Jawatankuasa atas penghormatan yang mereka berikan kepada saya untuk meresmikan mesyuarat Majlis ini.

Sebagai Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia ini saya sentiasa mengikuti perkembangan dan kegiatan yang dijalankan oleh Persatuan dan saya merasa amat bangga dengan kemajuan besar yang telah dicapai sejak mesyuarat majlis ini tahun lalu. Oleh yang demikian, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua yang berkenaan atas dayausaha mereka yang telah menghasilkan kejayaan cemerlang itu.

Seperti yang termaklum, pada masa ini kita mempunyai 13 Cawangan Negeri iaitu sebuah cawangan di setiap negeri dalam Malaysia, dan 11 Cawangan peringkat Kawasan iaitu di Larut, Matang, Selama, Dinding, Batang Padang, Kuala Kangsar dan Ulu Perak, Kuala Langat, Kuala Selangor, Klang, Kuala Pilah, Port Dickson, Kota Tinggi dan Muar. Saya berharap tidak lama lagi kita akan dapat menubuhkan cawangan di daerah-daerah lain, terutama sekali daerah yang penuh dengan peristiwa sejarah seperti di Krian, Telok Anson, Ulu Langat, Ulu Selangor dan Batu Pahat.

Saya sukacita juga mendapat tahu bahawa pihak Kerajaan Negeri telah mengambil perhatian berat mengenai Ordinan Antiquiti dan Harta Karun 1957 (The Antiquities and Treasure Trove Ordinance, 1957) serta melaksanakan perkara-perkara yang saya titikberatkan dalam ucapan saya di Mesyuarat Tahunan yang lalu. Dalam hubungan ini, Kerajaan-kerajaan Negeri telah juga bersetuju supaya bangunan-bangunan serta tempat-tempat yang bersejarah dikhaskan sebagai tempat terpelihara.

Di Kedah, misalnya, Balai Besar, Candi Bukit Batu Pahat, Candi Permatang Pasir, Candi di Pengkalan Bujang, Makam di Raja dalam Mukim Bujang, Kota Kuala Kedah; dan beberapa Makam yang bersejarah yang lain telah dijadikan tempat terpelihara. Demikian juga Makam Marhum Kayang di Perlis; Batu Cherok Tokun di Pulau Pinang; dan Istana Lama Seri Menanti, di Kuala Pilah; Masjid Kuala Dulang, Jelebu; Kota Lukut, dan beberapa makam yang bersejarah di Negeri Sembilan.

Di Perak iaitu di daerah Dinding, satu bekas sejarah lama yang di gelar Kota Belanda telah digazetkan sebagai tempat terpelihara. Demikian juga Makam Marhum Teja, Tokong Ngam Fat Ngan di daerah Kinta.

Di Kelantan terdapat Masjid Kampong Laut, dan di Trengganu Rumah Tele (Bangunan Istana Tengah Lama). Di Melaka ada 24 tempat termasuk Stadthuys, Kota Melaka, Masjid, Gereja, Batu Nisan dan beberapa Makam yang bersejarah. Di Sarawak pula, ada 10 tempat termasuk Kota-Kota Margherita, Alice, Lily, Sylvia, Hose, Istana di Kuching

(tambahan)

Muzium Sarawak dan Bangunan Mahkamah di Kuching; sementara di Johor ialah Istana Besar Johor Bahru; Bangunan Dewan, Balai Chengkek dan Rumah Allahyarham Dato Johor.

Kesemua tempat-tempat ini mempunyai sejarahnya masing-masing dan patutlah dijaga dan dipelihara supaya kesannya tidak luput dan hilang begitu sahaja bahkan menjadi kenangan zaman berzaman. Pada hemat saya, haruslah kita menggalakkan murid-murid sekolah khasnya dan penduduk-penduduk setempat amnya, supaya mempunyai perasaan sayang dan bangga atas unsur-unsur bersejarah di tempat masing-masing dan membuat apa yang boleh untuk memelihara serta mengekalkan keasliannya. Selain daripada menjadi punca inspirasi bagi kita, tempat-tempat bersejarah ini dapat menarik pelawat-pelawat dari dalam dan luar negeri ke tempat-tempat tersebut. Dengan itu disamping kita mempopularkan tempat-tempat bersejarah tersebut, nama kampung atau daerah juga menjadi terkenal disebabkan tempat sejarah itu.

Saya berharap masalah kewangan tidak akan melambatkan sebarang tindakan yang perlu diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memelihara tempat-tempat serta bangunan yang bersejarah ini.

Bagi melicinkan tindakan kita agar segala usaha dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan sempurna, saya suka mencadangkan supaya semua Cawangan, samada di peringkat negeri atau di peringkat kawasan, melipatgandakan kegiatan mereka berpandukan kepada lima rancangan besar yang telah diatur dan disusun bagi tahun 1975/1976.

Pertama: Kita harus menjalankan kempen mencari lebih ramai ahli. Setakat ini kekuatan Cawangan Persatuan kita kebanyakan bergantung kepada sumbangan daripada sekolah-sekolah, guru-guru dan murid-murid. Saya suka melihat lebih ramai orang daripada Jabatan-Jabatan Kerajaan, pihak swasta dan peminat-peminat sejarah menceburkan diri dalam kegiatan -kegiatan Persatuan Sejarah Malaysia.

Rancangan Kedua: Ialah meluaskan lagi Pengajaran dan pelajaran Sejarah Khusus mengenai Sejarah Tanahair. Cawangan peringkat negeri dan peringkat kawasan hendaklah menganjurkan ceramah, seminar atau forum di antara guru-guru, ahli-ahli sejarah dan bijak pandai di negara kita untuk memperbaiki lagi mutu pengajaran dan pelajaran sejarah sekolah-sekolah. Memanglah tidak memadai jika hanya soal akademik sahaja dititikberatkan tanpa memberikan perhatian kepada peranan sejarah dalam usaha membentuk keperibadian nasional.

Ketiga: Haruslah Persatuan ini menganjurkan Minggu Sejarah mulai tahun ini juga bagi menggerak dayausaha seluruh rakyat kepada pencapaian matlamat yang lebih tinggi. Pada hemat saya, Projek Minggu Sejarah ini hendaklah dilaksanakan sebagai satu projek lima tahun dengan mengadakan thema yang tertentu bagi tiap-tiap tahun. Untuk memberikan munafaat yang lebih besar kepada orang ramai, aktiviti Minggu Sejarah hendaklah melibatkan rakyat dari semua lapisan masyarakat. Sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persatuan di bawah tajuk "Tujuan" Fasal 2(c), perhatian patutlah diberikan kepada "sejarah, cerita rakyat, tradisi, bahasa dan adat resam" dalam segala rancangan Minggu Sejarah.

(tambahan)

PEN. 3/75/175 (TPM)
(hubungan 3)

Keempat: ialah membanyakkan Rakaman Sejarah Tempatan. Saya berharap semua Cawangan Negeri dan Kawasan akan mengambil tindakan dengan secepat mungkin untuk melancarkan projek ini. Hadiah Cassette Recorder dan Cassette bersama-sama buku panduan rakaman sejarah tempatan yang telah saya sampaikan kepada semua Cawangan dan Kawasan hari ini merupakan satu langkah positif bagi memerintiskan jalan bagi menjayakan projek ini.

Kelima: Membanyakkan Penulisan Sejarah Tempatan dan Sejarah Negeri. Sejarah tempatan dan sejarah negeri hendaklah dituliskan dari kacamata anak watan kita sendiri. Sebagai contoh saya suka memberitahu bahawa Kementerian Pelajaran telah melancarkan projek penulisan sejarah sekolah tiap-tiap negeri, di Semenanjung Malaysia dan saya dapati bahawa hampir semua negeri sudahpun menyediakan buku tersebut dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sejarah Sekolah-sekolah negeri Trengganu akan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tidak lama lagi untuk dijual ke sekolah-sekolah dan kepada orang ramai. Perbelanjaan bagi penerbitan ini ditanggung oleh beberapa firma dan syarikat tempatan. Saya berharap negeri-negeri lain akan menerbitkan sejarah sekolah-sekolah dengan bantuan kewangan dari pihak swasta di negeri masing-masing dan akan berusaha menyediakannya seberapa cepat yang boleh.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Persatuan kita sedang bergiat untuk memperkemas usahanya bagi menyesuaikan diri dengan masa depan. Yang demikian, ini memerlukan supaya Perlembagaan Persatuan kita dipinda. Sebagaimana yang termaklum daripada senarai pindaan yang telah diedarkan, satu fasal baharu berthabit dengan pemilikan tanah dan bangunan akan dimasukkan dalam Perlembagaan Persatuan untuk membolehkan kita mendapat tanah dan bangunan bagi pejabat Cawangan dan Kawasan. Sebuah bangunan rumah kerajaan telah dikhaskan untuk Persatuan Sejarah Malaysia di Ibukota Kuala Lumpur ini bertempat di No. 958, Jalan Hose.

Bangunan yang dimaksudkan ialah sebagai Pejabat Persatuan bagi memastikan aktivitiinya. Bangunan ini bukanlah bermaksud untuk dijadikan musium sejarah. Dalam hubungan ini, Jawatankuasa Persatuan Sejarah adalah sentiasa memikirkan dan merancang projek itu dari segi mendapatkan tapak tanah dan juga menyiapkan bahan-bahan untuk musium sejarah itu. Dalam hal ini, Persatuan sangat berbangga dengan usaha yang dijalankan oleh Pengerusinya yang sedang mengusahakan dan menjalankan projek tersebut. Hal-hal yang mengenai rancangan musium sejarah juga diusahakan dengan giatnya.

Selain dari itu, saya suka mengambil peluang ini merayu kepada semua Kerajaan Negeri supaya dapat mengadakan peruntukan kewangan tetap yang dimasukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Negeri, untuk perbelanjaan Cawangan Peringkat Negeri dan Peringkat Kawasan Persatuan Sejarah Malaysia. Langkah seperti ini akan memperkukuhkan lagi kedudukan dan melicinkan lagi perjalanan Cawangan peringkat Negeri dan Kawasan Persatuan ini dan segala usaha dan rancangan ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

(tambahan)



siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEN. 3/75/175 (TPM)
(hubungan 4)

Saya mendapat tahu bahawa semua Cawangan di peringkat Negeri dan Kawasan telah mengadakan berbagai-bagai kegiatan sepanjang tahun 1974 sebagai usaha mereka kearah kemajuan yang lebih tinggi lagi. Saya yakin mereka akan melipatgandakan usaha-usaha mereka itu supaya hasrat dan matlamat kita yang suci dan mulia ini akan dapat dicapai dalam jangka masa yang singkat. Di samping kita menitikberatkan usaha dan kegiatan bagi memelihara dan memperkenalkan tempat dan bangunan bersejarah yang masing-masingnya menjadi kemegahan dan kebanggaan penduduk-penduduk setempat, tidaklah harus kita melupakan detik sejarah penting memperjuangkan kemerdekaan tanahair dan kata-sepakat rakyat berbilang kaum dalam usaha mewujudkan Perlembagaan kita yang ada sekarang ini.

Saya membangkitkan perkara ini kerana pada pendapat saya adalah sama jua mustahaknya (equally important) bagi kita mengajar jenerasi yang sekarang dan jenerasi-jenerasi akan datang mengenai sejarah memperjuangkan kemerdekaan dan menggubal Perlembagaan negara supaya mereka benar-benar faham bahawa perpaduan rakyat berbilang kaum pada masa itu dan kata-sepakat rakyat dari berbagai keturunan dan agama di negara kita pada ketika itu yang telah menyebabkan Kerajaan Penjajah Inggeris tidak mempunyai sebarang helah melainkan memberi kemerdekaan sepenuhnya kepada kita dalam tahun 1957.

Berasaskan kepada semangat 1957 inilah saya berharap agar jenerasi sekarang ini dan jenerasi-jenerasi kita yang akan datang akan dapat terus mengekalkan perpaduan dan persefahaman rakyat di tanahair kita supaya Malaysia sebagai sebuah negara yang kecil di rantau ini akan dapat menunjukkan contoh yang baik bahawa rakyat berbilang kaum dari berbagai keturunan dan agama boleh hidup bersama dalam aman dan bahagia.

Saya tekankan kepada semangat 1957 iaitu kerana muda-mudi kita yang ada sekarang ini masih ingat-ingat lupa mengenai butir dan detik sejarah kita mencapai kemerdekaan, iaitu dengan cara aman-damai dan dengan tidak mengorbankan setitik darah juapun.

Dari itu kita haruslah hidupkan semula semangat 1957 yang telah menjayakan kita itu supaya setiap rakyat sama ada yang ada sekarang ini atau yang akan lahir kelak berpandu dan berpegang teguh kepada semangat 1957 ini agar Malaysia akan terus kekal dan bahagia selamanya.

Itulah sebabnya saya suka supaya diutamakan pelajaran sejarah kita mencapai kemerdekaan dan penggubalan Perlembagaan di kalangan kanak-kanak di bangku sekolah dan anak-anak kita supaya mereka boleh benar-benar memahami akan semangat perpaduan, kerjasama dan tolak-ansur itu.

Saya penuh yakin dengan dihidupkan kembali semangat 1957 itu serta dengan berpandu kepada Rukunegara sebagai tatasusila hidup bersama, masa depan Malaysia akan menjadi lebih cemerlang sama ada dalam lapangan politik, ekonomi dan sosial.

(tambahan)

PEN. 3/75/175 (TPM)
(hubungan 5)

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini inginlah saya mengadakan satu cadangan mengenai penganugerahan kurniaan "Fellow" kepada seseorang itu yang telah berjasa dan turut mengukir sejarah. Cadangan ini adalah sebagai tambahan kepada Perlembagaan kita dan dengan syarat dipersetujui oleh Mesyuarat kita. Asas penganugerahan "Fellow" itu ialah dicalunkan. -

- sebagai memperingati kepada sumbangan seseorang tokoh terhadap pengkajian dan perkembangan negara.
- tokoh-tokoh yang telah membantu mendorong pengkajian sejarah Malaysia secara material atau lain-lain.
- tokoh-tokoh yang telah membantu atau turut mengubah sejarah negara.

Saya harap cadangan ini akan dapat dipersetujukan.

Berbalik kepada Persatuan Sejarah Malaysia ini, Majlis serta Jawatankuasa Kerja Persatuan ini telah meminta supaya saya terus berkhidmat sebagai yang Di Pertuanya bagi tahun 1975/1976 ini. Saya ucapkan terimakasih atas kepercayaan ini dan dengan sukacita bersetuju menerima permintaan itu, sekiranya dipersetujukan oleh mesyuarat.


Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya merasmikan Mesyuarat Majlis Tahunan Persatuan Sejarah Malaysia hari ini serta mengucapkan selamat maju jaya.

KUALA LUMPUR,
27hb Mac, 1975.

(dikeluarkan padapukul 2.00 petang)

af:sri

=====



PER. 3/1975 (T.M.)
(Lampiran 2)

Sebelum saya menandatangani surat ini, saya telah meneliti dan memeriksa dengan teliti semua dokumen yang diserahkan kepada saya oleh pihak yang bersangkutan. Saya telah memeriksa dan memeriksa dengan teliti semua dokumen yang diserahkan kepada saya oleh pihak yang bersangkutan. Saya telah memeriksa dan memeriksa dengan teliti semua dokumen yang diserahkan kepada saya oleh pihak yang bersangkutan.

- sebagai pejabat yang bertanggung jawab terhadap pelaksanaan dan perkembangan negara.
- tokoh-tokoh yang telah membantu mendidik dan membina bangsa.
- tokoh-tokoh yang telah membantu atau turut membina bangsa.

Saya harap cadangan ini akan dapat dipertimbangkan.

Berbalik kepada Perutusan Sejarah Malaysia ini, Majlis serta Jawatankuasa Kerja Perutusan ini telah meminta supaya saya terus berkinerja dengan baik dan berkesan. Saya telah berusaha dengan penuh kesungguhan dan ketekunan untuk melaksanakan tugas-tugas yang diberikan kepada saya oleh pihak yang bersangkutan. Saya telah berusaha dengan penuh kesungguhan dan ketekunan untuk melaksanakan tugas-tugas yang diberikan kepada saya oleh pihak yang bersangkutan.

Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya menyerahkan kepada pihak yang bersangkutan semua dokumen yang diserahkan kepada saya oleh pihak yang bersangkutan. Saya telah berusaha dengan penuh kesungguhan dan ketekunan untuk melaksanakan tugas-tugas yang diberikan kepada saya oleh pihak yang bersangkutan.

(dikembalikan pada tahun 5.00 petang)
KUALA LUMPUR,
27th Mar, 1975.
et:st



No Siri	146
No Penerimaan	8/79